

تذكرة حضرات نقشبنديه

خواجه محمد قارسا رحمة الله عليه
خواجه يعقوب چرخي رحمة الله عليه
خواجه عبد الرحمن جامي رحمة الله عليه

TAZKIRAH HADHARAT NAQSHABANDIYYAH


KHWAJAH MUHAMMAD PARSA – KHWAJAH YA'QUB CHARKHI – KHWAJAH 'ABDUR RAHMAN JAMI

Karangan:

'Abdu Dha'if Faqir Haqir Khakpaey Buzurgan La Syaik Miskin Fani
Hadhrat Maulawi Jalaluddin Ahmad Ar-Rowi Al-Amani
Naqshabandi Mujaddidi Uwaisi 'Ufiya 'Anhu Wa'an Walidaihi

Terbitan Edaran:

Khazanah Naqshabandiyyah
Naqshabandi Akademi Quran Sunnah Hadits
Markazi Khanqah Khaliliyyah Naqshabandiyyah Mujaddidiyyah
Selayang Selangor Darul Ehsan
1434H/2012M



درویشان نقشبندی در بخارای قرن ۱۹ (ازسفرنامهٔ وامبری)

HADHRAT KHWAJAH MUHAMMAD PARSA NAQSHABANDI QUDDISA SIRRUHU

Hadhrat Khwajah Muhammad bin Muhammad bin Mahmud Al-Hafizhi Al-Bukhari dengan nama Kuniyahnya Abu Al-Fath juga dikenali sebagai Khwajah Muhammad Parsa Quddisa Sirruhu, adalah seorang daripada Murid dan Khalifah Hadhrat Buzurg Khwajah Shah Bahauddin Naqshaband Quddisa Sirruhu. Beliau telah dilahirkan pada tahun 749H di Bukhara. Adalah diriwayatkan bahawa beliau adalah daripada keturunan 'Abdullah Bin Ja'afar Tayyar Radhiyallahu 'Anhu. Moyangnya bernama Hadhrat Maulana Hafizhuddin Bukhari Rahmatullah 'Alaih merupakan seorang dari kalangan 'Ulama Bukhara dan sezaman dengan Hadhrat Shams Al-Aimmah Halwai Rahmatullah 'Alaih dan Hadhrat Khwajah Mahmud Anjir Faghnawi Quddisa Sirruhu (w. 710H atau 715H). Nisbat Hafizhi adalah diambil daripada moyangnya, Hadhrat Maulana Hafizhuddin Rahmatullah 'Alaih.

Beliau telah pergi ke Qasr Arifan untuk berkhidmat kepada Hadhrat Khwajah Buzurg Muhammad Bahauddin Shah Naqshaband Quddisa Sirruhu dan telah berhasil mendapatkan Tarbiyah Ruhani daripadanya sehingga tergolong dalam saf pertama kepimpinan Silsilah Tariqat Naqshabandiyyah. Beliau telah menjalankan usaha kerja yang besar dalam mengembangkan Silsilah 'Aliyyah Naqshabandiyyah yang tinggi ini. Dalam Khandan Para Khwajagan Naqshaband, beliau merupakan seorang yang sangat 'Alim serta Zahid dan berkelebihan mencapai kedudukan yang penting di kalangan Para Awliya dan Para 'Ulama pada zamannya. Semenjak permulaan Ahwalnya, beliau telah berikhtiar memilih untuk bersuhbat dengan Hadhrat Buzurg Khwajah Shah Bahauddin Naqshaband Quddisa Sirruhu dan telah menerima Tarbiyah yang khusus serta Tawajjuh yang sempurna darinya.

Berkenaan sebab nama Parsa diberikan kepadanya, telah diriwayatkan oleh Hadhrat Fakhruddin Kashfi Rahmatullah 'Alaih seperti berikut. Pada suatu hari ketika sedang zamannya kuat bermujahadah, beliau telah datang ke tempat Hadhrat Buzurg Shah Bahauddin Naqshband Quddisa Sirruhu dan sebagai menantikan kehadiran Hadhrat Tuan Buzurg, beliau telah berdiri di hadapan pintu rumahnya sehinggalah seorang Khadimah iaitu seorang perempuan jurukhidmat yang berkhidmat di rumah Hadhrat Tuan Buzurg datang dari luar hendak masuk ke dalam rumah. Hadhrat Khwajah Tuan Buzurg telah bertanya kepadanya,

"Siapakah yang sedang berada di luar itu?"

Khadimah berkata,

"Seorang pemuda Parsa* sedang berdiri menunggu Tuan."

* Parsa bererti seorang yang berbangsa Parsi.

Hadhrat Khwajah Buzurg pun keluar untuk pergi menemui Hadhrat Khwajah Muhammad Parsa dan ketika melihatnya, beliau telah berkata,

"Kamu adalah Parsa".

Semenjak perkataan Parsa terbit dari ucapan Hadhrat Khwajah Buzurg menerusi lidahnya yang diberkati, semenjak itulah beliau telah masyhur di kalangan orang awam dengan nama Laqab gelaran sebagai Parsa. Ketika Hadhrat Khwajah Buzurg memberikan Ijazat kepadanya sebagai Murid, maka beliau berkenaan dirinya Hadhrat Khwajah telah berkata,

"Apa sahaja yang kamu katakan, ianya akan berlaku dan kepada sesiapa yang kamu berikan kesan, maka dia akan menjadi terkesan".

Pada ketika lain Hadhrat Khwajah Buzurg telah berkata,

"Apa sahaja yang Khwajah Parsa katakan, Allah Haqq Subhanahu Wa Ta'ala akan lakukan sedemikian. Daku katakan berkenaan dirinya bahawa, dia berkata sesuatu tetapi dia tidak berkata-kata apa pun".

Pada suatu ketika yang lain, Hadhrat Khwajah Buzurg telah mengurniakan dan menghiaskan beliau dengan sifat Burukh. Ketahuilah bahawa Burukh adalah nama seorang Wali Allah yang hidup dalam zaman Hadhrat Nabi Musa Kalimullah 'Alaihissalam. Berkenaan Hadhrat Burukh ada dinyatakan di dalam kitab Quwwat Al-Qulub. Sebagaimana Hadhrat Uwais Qarani Rahmatullah 'Alaih yang berada di kalangan Ummat Nabi Sallallahu 'Alaihi Wasallam, di kalangan ummat-ummat yang terdahulu perkataan Burukh digunakan bagi merujuk kepada sebuah jemaah yang tanpa pengajaran Ta'lim secara lisan hanya dengan amalan Suhbat semata-mata dan adakalanya walaupun dengan tanpa Suhbat, penghasilan Ma'arifat Haqiqi dapat juga terhasil menerusi perdampingan secara Batin dan Ruhaniantara satu sama lain. Golongan mereka ini dinamakan sebagai Burukhiyan. Dan bagi mereka yang dari kalangan Ummat Muhammad serta mengikuti Agama Islam Din Muhammadi serta memiliki ciri-ciri dan sifat ini, mereka dinamakan sebagai Uwaisi.

Ketika Hadhrat Khwajah Buzurg Shah Bahauddin Naqshaband Quddisa Sirruhu melakukan perjalanan Safar ke Tanah Hijaz, beliau telah berkata kepada Hadhrat Khwajah Muhammad Parsa Quddisa Sirruhu,

"Amanah dan Haqq kebenaran Para Khulafa Khandan Khwajagan Qaddasallahu Asrarahum yang telah sampai kepada hamba yang dhaif ini dan apa sahaja yang telah daku hasilkan menerusi pekerjaan Kasab pada jalan Tariqat ini, kami kurniakan ianya kepada kamu. Sebagaimana saudara seagama, Hadhrat Maulana 'Arif Quddisa Sirruhu telah mengurniakannya kepadamu. Kamu terimalah amanat ini dan sampaikanlah ianya kepada sekelian makhluk Tuhan. Hadhrat Khwajah Muhammad Parsa Quddisa Sirruhu dengan merasakan dirinya lemah tiada berkeupayaan telah menerima kurniaan amanah tersebut."

Hadhrat Khwajah Buzurg juga telah berkata mengenainya,
"Apa sahaja yang ada pada sisiku, kamu sudah mengambilnya".

Hadhrat Khwajah Buzurg telah berkata berkenaannya,
"Maksud daripada Zuhur penzahiran kami adalah Wujud kewujudan Khwajah Muhammad Parsa".

Dalam riwayat lain yang dinyatakan oleh sebahagian Masyaikh, Hadhrat Khwajah Buzurg telah berkata seperti berikut,
"Maksud daripada Wujud kewujudan kami adalah Zuhur penzahiran Khwajah Muhammad Parsa".

Hadhrat Khwajah Buzurg Quddisa Sirruhu telah berkata,
"Kepadanya kami telah memberikan pengajaran kedua-dua jalan Tariqah Jazbah dan Suluk. Jika beliau menyibukkan dirinya dengan amalan tersebut, alam akan bercahaya-cahaya menerusi beliau."

Pada suatu hari, Hadhrat Khwajah Buzurg Quddisa Sirruhu telah pergi ke tepi sebuah kolam berhampiran taman sebuah Mazar perkuburan Masyaikh, lalu beliau terlihat bahawa Hadhrat khwajah Muhammad Parsa Quddisa sirruhu sedang meletakkan kakinya ke dalam air kolam sambil sedang sibuk dalam Muraqabah tidak menyedari kehadiran sesiapa. Hadhrat Khwajah Buzurg mananggalkan pakaian luarannya dan masuk menyelam ke dalam kolam air tersebut dan meletakkan wajahnya di hujung kaki Hadhrat Khwajah Muhammad Parsa Quddisa Sirruhu seraya berdoa memohon Kehadhrat Rabbul 'Izzat,
"Wahai Tuhan, dengan kehormatan kaki beliau ini, Rahmatilah ke atas Bahauddin".

Karamah Shah Naqshaband Mempertahankan Khwajah Parsa Terhadap Para 'Ulama Cemburu

Pada suatu masa, Hadhrat Shah Naqshaband Quddisa Sirruhu terpaksa menunjukkan kuasa ajaib untuk mempertahankan Khwajah Muhammad Parsa yang merupakan salah seorang daripada penggantinya di Bukhara. Peristiwa ini berlaku pada masa apabila Shaikh Muhammad Shamsuddin Al-Jazari (751H-833H) datang ke Samarkand dalam masa pemerintahan Raja Mirza Ulugh Bek Timuri, untuk menentukan kesahihan rantaian penghantaran dalam riwayat Hadits. Sesetengah 'Ulama yang cemburu dan jahat telah mengadu kepada Raja Mirza bahawa Khwajah Muhammad Parsa telah memberi riwayat Hadits yang rantai penghantarannya tidak diketahui. Mereka memberitahu Shaikh Muhammad Shamsuddin Al-Jazari,
"Jika anda cuba untuk membetulkan masalah itu, Allah akan memberikan kamu pahala yang besar."

Shaikh Muhammad Shamsuddin meminta Sultan untuk memerintahkan Khwajah Muhammad Parsa muncul. Syaikh Al-Islam Bukhara ‘Isomuddin An-Nahawi turut berada di sana bersama-sama dengan ramai Para 'Ulama dan Para Imam dari kawasan itu. Hadhrat Shah Naqshaband Quddisa Sirruhu datang dengan Hadhrat Khwajah Muhammad Parsa Quddisa Sirruhu untuk mesyuarat tersebut. Kemudian Shaikh ‘Isomuddin telah bertanya Hadhrat Khwajah Muhammad Parsa tentang sebuah Hadits. Hadhrat Khwajah Muhammad Parsa meriwayatkan Hadits itu beserta dengan rantai penghantaran Isnad.

Shaikh Muhammad Al-Jazari berkata,
"Tidak ada kesilapan dalam Hadits, tetapi rantaian adalah tidak betul."

Apabila mendengar kenyataan ini, Para 'Ulama yang cemburu berasa gembira. Mereka bertanya meminta Hadhrat Khwajah Muhammad Parsa untuk memberikan rantaian lain untuk Hadits tersebut. Beliau lakukan dan sekali lagi mereka berkata bahawa ia tidak betul. Mereka meminta untuk rantaian yang lain dan dia telah berikan dan masih mereka mendapati kesalahan pada rantaiannya.

Hadhrat Shah Naqshaband mulai campur tangan kerana dia tahu bahawa apa jua rantaian yang Hadhrat Khwajah Parsa berikan, mereka akan mengatakan ia adalah salah. Dia mengilhamkan Muhammad Parsa untuk mengarahkan soalan kepada Shaikh ‘Isomuddin dan berkata kepadanya,
"Anda adalah Shaikh Al-Islam dan Mufti. Daripada apa yang anda telah belajar tentang pengetahuan luaran dan Syari'ah dan 'Ilmu Hadits, apa yang anda katakan tentang sekian-sekian periwayat itu?"

Shaikh ‘Isomuddin berkata,
"Kami menerima orang itu dan banyak asas pengetahuan Hadits kami berdasarkan periwayatan beliau dan kitabnya diterima oleh kita dan keturunannya adalah bahawa semua 'Ulama menerimanya dan tidak ada hujah perbahasan mengenai perkara itu."

Hadhrat Khwajah Muhammad Parsa berkata,
"Kitab orang itu yang anda terima periwayatannya berada di rumah anda dalam perpustakaan anda, kedudukannya antara kitab sekian dan kitab sekian. Ia mengandungi 500 muka surat dan warnanya adalah sekian dan sekian dan penutup kitab itu kelihatan seperti sekian dan sekian dan Hadits yang anda tolak itu telah ditulis oleh orang itu pada halaman sekian dan sekian. "

Shaikh ‘Isomuddin telah menjadi keliru dan keraguan telah datang pada hatinya kerana dia tidak ingat samada pernah melihat kitab seperti yang dinyatakan di dalam perpustakaannya.

Semua orang terkejut bahawa Hadhrat Khwajah Parsa tahu tentang kitab itu manakala pemiliknya tidak tahu mengenainya. Tiada pilihan lain kecuali dengan menghantar seseorang untuk memeriksa kebenarannya. Hadits yang dimaksudkan telah ditemui sebagaimana yang Hadhrat Khwajah Muhammad Parsa telah sebutkan. Apabila Raja Mirza mendengar tentang cerita ini, 'Ulama yang membawa dakwaan telah dihina dan Hadhrat Shah Naqshaband dan Hadhrat Khwajah Muhammad Parsa telah dimuliakan.

Menurut Hadhrat Mujaddid Alf Tsani Quddisa Sirruhul 'Aziz telah menyatakan bahawa menerusi Tarbiyah daripada Hadhrat Khwajah Buzurg Quddisa Sirruhu, Hadhrat Khwajah Muhammad Parsa telah menempuh perjalanan-perjalanan Jazbah dan Suluk dan telah mencapai Haqiqat Fana Fillah dan Baqa Billah serta telah mengalami 'Uruj kenaikan pada Darjat Wilayat. Beliau telah berhasil memperolehi Nisbat Fardiyyat daripada Hadhrat Maulana 'Arif Quddisa Sirruhu dan menerusi Tawassut perantaraan Hadhrat Khwajah Buzurg Quddisa Sirruhu dengan jalan Fardiyyat, beliau telah sampai hingga ke martabat Ghaib Huwiyyat. Beliau telah ditenggelami dengan Nisbat ini yang mana ianya membangkitkan ketiadaan sebarang takluk dengan alam. Takmil penyempurnaan bimbingan Irshadnya telah terhalang, jikalau tidak Maqam Takmil penyempurnaan secara keseluruhan akan terhasil pada beliau.

Di dalam Mukashafat 'Ainiyyah pada Mukashafah 3, Hadhrat Mujaddid Alf Tsani Quddisa Sirruhu menukilkan,

"Hadhrat Khwajah Muhammad Parsa Quddisa Sirruhu adalah salah seorang sahabat Hadhrat Khwajah Naqshaband Quddisa Sirruhu yang terkenal. Beliau telah menempuh Jalan Sufi melalui Jazbah dan Suluk. Selepas mencapai Haqiqat Fana Fillah dan Baqa, beliau telah 'Uruj ke Darjat Wilayat dan Syahadat. Hadhrat Khwajah Naqshaband Quddisa Sirruhu telah berkata mengenai Hadhrat Khwajah Parsa Quddisa Sirruhu, "Daku telah mentarbiyahnya melalui kedua-dua cara Jazbah dan Suluk".

Mengenai beliau, Hadhrat Khwajah Naqshaband Quddisa Sirruhu juga telah berkata, ***"Har Cheh Dashtim Az Man Rubudi"*** yang bermaksud, "Apa sahaja yang daku miliki, beliau telah mengambilnya dariku." Di samping itu, beliau telah mencapai Nisbat Fardiyyat yang tersendiri daripada Hadhrat Maulana Arif Quddisa Sirruhu dan beliau telah Ittisal menyertai dengan Yang Ghaib Huwiyyat atas jalan Ifrad.

Disebabkan beliau telah tenggelam dalam Ghalbah kedua-dua Nisbat ini iaitu Ifrad dan Yang Ghaib Huwiyyat, yang mewujudkan berkurangnya perhubungan dengan dunia ciptaan dan bahawa kekurangan tersebut adalah penghalang kepada keupayaannya untuk mentakmil menyempurnakan orang lain dan Irshad memberikan petunjuk bimbingan kepada orang lain. Walaubagaimanapun, beliau telah benar-benar mencapai Maqam Takmil iaitu membuat orang lain menjadi sempurna.

Karamat Hadhrat Khwajah Muhammad Parsa

Pada zaman Hadhrat Khwajah Parsa, Mirza Khalil adalah seorang raja yang memerintah Samarqand manakala Mirza Shah Rukh adalah raja di Khurasan. Hadhrat Khwajah Parsa telah menulis sepucuk surat kepada MIrza Shah Rukh untuk meminta bantuan bagi menyelesaikan kesusahan khalayak ramai. Apabila Mirza Khalil mendapat tahu perkara ini, beliau telah menjadi murka terhadap Hadhrat Khwajah Parsa. Dengan tohmahan buruk dari orang-orang yang berhasad dengki terhadapnya, Mirza Khalil mengirimkan pegawainya untuk menyampaikan perintah kepada Hadhrat Khwajah Parsa agar pergi menetap di dalam hutan.

Hadhrat Khwajah Parsa menerima perintah dari pegai itu dan berkata,
"Baiklah, daku ingin sekali menghadiri tempat persemadian Mazarat Awliya, kemudian kami akan pergi."

Kemudian, beliau meminta seeokor kuda dan terus menungganginyan menuju ke Qasr 'Arifan dan pergi menziarahi Mazar yang penuh cahaya Hadhrat Khwajah Buzurguar Shah Bahauddin Naqshaband Quddisa Sirruhu. Apabila beliau keluar dari kawasan Mazar perkuburan Hadhrat Buzurguar Shah Naqshaband Quddisa Sirruhu, kesan-kesan kehebatan dan keagungan terpapar pada wajah beliau. Kemudian dari Qasr 'Arifan, beliau telah pergi menuju ke Sukhar dan untuk beberapa lama beliau telah berhenti di Mazar Hadhrat Sayyid Amir Kulal Quddisa Sirruhu.

Apabila beliau selesai dari menziarahi Mazar penghulu Para Awliya, beliau telah menaiki kuda tunggangannya dan telah pergi menuju ke Khurasan sambil membacakan sepotong syair yang bermaksud,

Bagi kami adalah menjatuhkan dan mengangkatkan,
Bukannya diangkatkan dan dijatuhkan,
Pada hari ini akan dapat diketahui,
Siapakah yang berkuasa dalam medan pertempuran ini.

Daripada Khurasan, beliau telah bertolak menuju ke Bukhara. Pada waktu itu, sepucuk surat dari Mirza Shah Rukh yang diutuskan kepada Mirza Khalil telah sampai di Bukhara yang isi kandungannya menyatakan bahawa,
"Kami sudah sampai dan mahu membawa kamu ke medan peperangan."

Hadhrat Khwajah Muhammad Parsa Quddisa Sirruhu telah memerintahkan agar surat tersebut dibacakan di atas mimbar Masjid Jami' kemudian hendaklah dihantarkan kepada Mirza Khalil di Samarqand. Mirza Shah Rukh telah tiba sesudah suratnya sampai dan beliau telah membunuh Mirza Khalil.

Karya-Karya Penulisannya

Antara karangan beliau adalah seperti berikut:

1. Syarah Fusus Al-Hikam
2. Ruba'iyyat Khwajah Parsa
3. Anis At-Talibin
4. Kalimat Khwajah Parsa
5. Risalah Kashfiyyah
6. Risalah Mahbubiyyah
7. 'Aqaid Firqah Islami
8. Adab As-Salikin
9. Rumuz Al-Aqtab
10. Fusul Sittah
11. Syarah Qasidah Ibnu Faridhz
12. Anfas Qudsiyyah
13. Tahqiqat Khwajah Parsa
14. Jami' Al-Kalim
15. Maslak 'Arifin
16. Risalah Fi Tariq Zikr Al-Khafi
17. Risalah Qudsiyyah
18. Fasl Al-Khitab
19. Risalah Dar Zikir 72 Firqah Islam
20. Sukhun Rast
21. Risalah Dar Tahqiq Zaman Wa Makan
22. Tarjamah Wa Tafsir Fatihah Al-Kitab
23. Tafsir Tsamaniyyah
24. Tafsir Do Juz Al-Mulk Wa An-Naba

Kitab Risalah Qudsiyyah adalah kitab yang paling digemari di kalangan Para Masyaikh yang di dalamnya terkandung Malfuzat ucapan kata-kata Hadhrat Khwajah Bahauddin Naqshaband Quddisa Sirruhu di dalam majlis-majlisnya yang khas. Hadhrat Khwajah Muhammad Parsa Rahmatullah 'Alaih adalah pengasas tradisi penulisan dalam Silsilah Tariqat Naqshabandiyyah. Sebagai seorang yang berilmu pengetahuan mendalam tentang 'Ilmu Fiqah Mazhab Hanafi, beliau telah mewarisinya daripada keturunannya yang begitu berpengaruh di Bukhara.

Beliau telah mengumpulkan ucapan kata-kata Hadhrat Shah Khwajah Naqshaband di dalam Risalah Qudsiyyah. Hadhrat Parsa telah memperkenalkan legasi Para Masyaikh Sufiyyah yang agung dan pengajaran-pengajaran Hadhrat Ibnu 'Arabi dan menghubungkan Silsilah Tariqat Naqshabandiyyah dengan tradisi Para Sufi Baghdad dan Khurasan ke Asia Tengah.

Kemangkatan Hadhrat Khwajah Muhammad Parsa

Putera beliau bernama Hadhrat Khwajah Abu Nasr Parsa Bin Khwajah Muhammad Parsa Quddisallahu Asrarahum telah menyatakan sebuah riwayat bahawa,

"Daku tidak dapat hadir ketika kemangkatan ayahandaku seorang yang sempurna dan ketika beliau sudah meninggal dunia barulah daku tiba. Untuk tatapan kali terakhir daku telah membuka kain yang menutupi wajahnya. Beliau telah membukakan matanya dan tersenyum, hal ini menyebabkan daku bertambah hairan. Daku telah pergi ke arah kakinya dan daku mendekatkan wajahku kepada kaki beliau, lalu beliau menarikkan kakinya ke atas."

Menurut Hadhrat Syaikh Badruddin Sirhindi Rahmatullah 'Alaih di dalam kitabnya Hadhrat Al-Quds menyatakan bahawa usia Hadhrat Khwajah Muhammad Parsa mencapai 73 tahun dan telah wafat di Madinah Tayyibah pada hari Khamis 4 Jamadil Akhir 822H, namun di dalam kitab Nafahat Al-Uns karangan Hadhrat Abdur Rahman Jami Rahmatullah 'Alaih, tarikh wafat beliau adalah pada 24 Dzul Hijjah 822H.

Jenazah beliau telah disembahyangkan oleh Ahli Madinah dan sekelian jemaah Qafilah dan diimamkan oleh Hadhrat Maulana Shamsuddin Minari Rahmatullah 'Alaih dan telah dimaqamkan pada kedudukan yang berhampiran dengan Maqam Hadhrat Sayyidina 'Abbas Radhiyallahu Ta'ala 'Anhu dan berjiranan dengan kubah Maqam Sayyidina 'Utsman Radhiyallahu 'Anhu. Hadhrat Syaikh Zainuddin Khwani Quddisa Sirruhu telah membawa sebuah batu nisan marmar putih dari Mesir dan menjadikannya sebagai Lauh batu nisan pada kuburnya. Dengan batu nisan tersebut, kubur beliau dapat dibezakan dari kubur-kubur yang lain.

HADHRAT KHWAJAH YA'QUB CHARKHI QUDDISA SIRRUHU

Hadhrat Maulana Khwajah Ya'qub Charkhi Rahmatullah 'Alaih adalah tergolong sebagai seorang pendukung agung serta tiang utama Silsilah 'Aliyah Naqshbandiyah. Menurut riwayat kehidupan semasanya beliau adalah seorang yang menjadi tempat rujukan untuk berbagai cabang ilmu khasnya dalambidang ilmu Syari'at dan Tariqat. Di samping beliau menyampaikan seruan Dakwah Tabligh dan memberi petunjuk nasihat menerusi lisan dan amal perbuatan, beliau juga turut melakukannya dengan Qalam dan Kertas.

Hadhrat Ya'qub Charkhi telah dilahirkan di Charkh dalam daerah Ghazni yang kedudukannya di antara bandar Qandahar dan Kabul. Kelahiran Hadhrat Charkhi ialah pada tahun 762H / 1320M. Ketika remaja, beliau telah pergi ke Herat untuk mendapatkan pendidikan. Seterusnya beliau telah pergi ke Mesir di mana beliau telah mendalami ilmu-ilmu Syari'at Islam dan Mantiq. Beliau telah menghafal Al-Quran dan lebih 500,000 Hadits termasuk Sahih dan Dhaif. Seorang daripada guru beliau ialah Hadhrat Shihabuddin Shirawani Rahmatullah 'Alaih yang telah dikenali sebagai "Ensaiklopedia Bergerak" pada zamannya. Hadhrat Ya'qub Charkhi begitu cemerlang dalam pengajiannya dan telah diberikan ijazah untukmengeluarkan Fatwa.

Bapa beliau adalah dari kalangan Arbab 'Ilm dan selalu melakukan Mutalaah kitab-kitab serta merupakan seorang Sufi. Di dalam Tafsir Charkhi di bawah tafsiran ayat ketiga dari Surah Al-Ma'uun beliau telah menulis mengenai hal keadaan Riyadhah yang berlaku pada bapanya bahawa pada suatu hari, sebekas air dari rumah jiran beliau telah dibawakan kepadanya, namun oleh kerana air tersebut berada dalam bekas yang dipunyai oleh anak yatim maka beliau tidak meminumnya. Hadhrat Maulana Ya'qub Charkhi telah menyatakan sebuah syair berkenaan bapanya,

Tanpa Fadhzal kurniaanmu siapakah yang akan memahamkan kami tentang jalan?
Dan selain daripada kewujudanmu terhadap siapakah lagi kami mengabdikan?
Meskipun kami penuhkan kedua-dua kehidupan mentaatimu dengan pengabdian,
Namun tetap juga jikalau tanpa kehalusan Rahmatmu kami tiada beroleh kejayaan.

Sesudah menamatkan pengajiannya berkenaan Ilmu Zahir, cetusan untuk menghasilkan cahaya keruhanian telah muncul dalam hatinya. Pada suatu ketika beliau berada di Fatahabad di mana beliau menetap pada masa itu, beliau sedang bermuraqabah menghadap ke arah Maqam Hadhrat Syaikh Al-'Alam Saif Al-Haqq Bakhirzi Rahmatullah 'Alaih, beliau telah menerima petunjuk supaya pergi kepada Hadhrat Khwajah Shah Naqshabandi Quddisa Sirruhu. Beliau telah menempuh perjalanan menuju ke Qasr 'Arifan dan pergi untuk berbai'at dan supaya dapat diberkati untuk menerima tarbiyahnya.

Setelah beliau mengambil jalan Tariqat dan menerima petunjuk dari Murshidnya yang agung Hadhrat Khwajah Khwajagan Shah Bahauddin Naqshband Rahmatullah 'Alaih, beliau telah menyebar serta mengembangkan ajaran-ajaran Silsilah 'Aliyah Naqshbandiyah sebagai menuruti pesanan wasiat Murshidnya sebelum beliau berpisah dari Murshidnya.

Beliau telah meluangkan masanya selama beberapa tahun di Herat dan Mesir untuk menghasilkan ilmu pengetahuan. Hadhrat Syaikh Zainuddin Khwafi Rahmatullah 'Alaih (834H/1435M) adalah rakan sepengajian dengan beliau. Ketika di Mesir, beliau telah berkesempatan menjadi murid kepada seorang 'Alim yang masyhur iaitu Hadhrat Maulana Shamsuddin Ahmad Bin Muhammad Bin Muhammad Sirami Misri Rahmatullah 'Alaih (804H/1402M). Hadhrat Charkhi telah berhasil menerima Ijazat Fatwa daripada Para 'Ulama Bukhara.

Pertemuannya Dengan Hadhrat Khwajah Shah Bahauddin Naqshaband

Sebelum beliau bertemu dengan Hadhrat Khwajah Shah Naqshaband Rahmatullah 'Alaih (791H/1389M) dan hadir berkhidmat dengannya lagi beliau telah menyimpan kecintaan dan 'Aqidat yang kuat terhadapnya. Apabila setelah berhasil mendapat Ijazat berfatwa, beliau telah berlepas dari Bukhara dan kembali menuju ke Charkh. Sebelum bertolak, pada suatu hari beliau telah hadir dalam khidmat Hadhrat Khwajah Shah Naqshaband Rahmatullah 'Alaih dan dengan penuh kerendahan telah bermohon,

"Berikanlah Tawajjuh terhadap saya juga".

Hadhrat Khwajah telah berkata,

"Apa bukankah pada waktu ini ketika kamu sedang dalam hal keadaan hendak melakukan safar perjalanan?"

Hadhrat Charkhi berkata dengan 'Ajiz merendahkan dirinya,

"Saya ingin duduk tinggal di sini dalam berkhidmat kepada tuan."

Hadhrat Khwajah berkata,

"Kenapa?"

Hadhrat Charkhi berkata,

"Kerana tuan adalah orang Buzurg dan makbul di kalangan orang awam."

Hadhrat Khwajah berkata,

"Ada sebarang dalil yang baik? Mungkin ini adalah perkataan Syaitani."

Hadhrat Maulana Ya'qub Charkhi Rahmatullah 'Alaih berkata,

"Ada Hadits Sahih, bahawa apabila Allah Ta'ala hendak menjadikan seseorang hamba sebagai rakanNya, Dia akan meletakkan kecintaan Mahabbat di dalam hati hamba-hamaNya."

Hadhrat Khwajah sambil tersenyum lalu berkata,
"Ma 'Azizanim."

Ketika Hadhrat Khwajah mengucapkan perkataan tersebut, hal keadaan Hadhrat Maulana Ya'qub Charkhi Rahmatullah 'Alaih menjadi kehairanan kerana sebulan sebelum peristiwa ini, beliau telah melihat di dalam mimpinya bahawa Hadhrat Khwajah Shah Naqshaband telah berkata kepadanya,

"Murid 'Azizan Sho," sedangkan beliau sudahpun melupakan mimpinya itu. apabila Hadhrat Khwajah mengatakan,

"Ma 'Azizanim," maka Hadhrat Ya'qub Charkhi mula teringatkan kembali tentang mimpinya.

Kemudian, Hadhrat Maulana Ya'qub Charkhi Rahmatullah 'Alaih telah memohon agar diberikan juga Tawajjuh terhadap dirinya. Hadhrat Khwajah Shah Naqshaband Rahmatullah 'Alaih telah berkata,

"Seseorang telah telah menuntut Tawajjuh daripada Hadhrat Khwjah 'Azizan 'Alaihir Rahmah Warridhwan, maka beliau telah berkata,

"Daku tidak duduk tinggal tanpa Tawajjuh, letakkan sesuatu barang pada sisi kami supaya apabila kami melihatnya lalu kami akan teringatkan kamu."

Kemudian Hadhrat Khwajah Shah Naqshaband Rahmatullah 'Alaih telah berkata kepada Hadhrat Maulana Ya'qub Charkhi Rahmatullah 'Alaih,

"Pada kamu tiada sesuatu apa pun yang dapat kamu letakkan pada sisi kami, oleh kerana itu ambillah topi kopiahku dan bawanya bersamamu. Apabila kamu melihatnya dan kamu akan teringatkan kami, nescaya kamu akan mendapatkan kami dan dengan keberkatannya akan bersama dengan keturunanmu." Kemudian Hadhrat Khwajah Naqshaband telah berkata kepadanya,

"Dalam perjalanan kamu pulang ke Balkh, jikalau kamu bertemu Hadhrat Maulana Tajuddin Kaulaki, jagalah hatimu dari mengata-ngata ketika berada dalam kehadirannya kerana beliau adalah seorang Wali besar dan dia akan memarahi kamu."

Hadhrat Charkhi berkata di dalam hatinya sendiri,

"Daku akan balik ke Herat menerusi jalan Balkh, tetapi tidak akan pergi menerusi jalan Kaulak di mana Hadhrat Maulana Tajuddin menetap, maka daku tidak fikir bahawa daku akan bertemunya."

Hadhrat Maulana Ya'qub Charkhi Rahmatullah 'Alaih telah memohon daripada Hadhrat Khwajah Naqshaband Rahmatullah 'Alaih ijazat keizinan untuk memulakan safar perjalanannya dan bergerak dari Bukhara menuju ke Balkh.

Atas sesuatu hal yang tidak dapat dielak menyebabkan beliau tidak dapat menuju ke Balkh, maka beliau terpaksa menempuh menerusi jalan ke arah Kaulak dan dalam safar perjalanan tersebut beliau telah mulai teringat kembali petunjuk yang diberikan oleh Hadhrat Khwajah Naqshaband Rahmatullah 'Alaih yang mana beliau telah berpesan dan menyuruhnya supaya pergi bertemu dengan Hadhrat Maulana Tajuddin Dashti Kaulaki Rahmatullah 'Alaih,

"Jikalau kamu melalui Kaulak, maka pergilah menziarahi Syaikh Tajuddin Al-Kaulaki." Telah datang dalam hatinya bahawa mungkin Hadhrat Khwajah Shah Bahauddin telah mengatur semua peristiwa yang berlaku supaya daku dapat pergi menziarahi Hadhrat Syaikh Tajuddin Kaulaki Rahmatullah 'Alaih.

Ketika beliau sampai di Kaulak, hari sudah gelap dan tiada bintang di langit, beliau telah pergi ke masjid untuk bertanya berkenaan Hadhrat Maulana Tajuddin Kaulaki Rahmatullah 'Alaih. Seorang lelaki telah datang kepada beliau dari belakang sebuah tiang masjid dan berkata kepadanya,

"Adakah kamu Ya'qub Charkhi?"

Hadhrat Charkhi menjadi hairan, lalu orang itu berkata,

"Janganlah terkejut, saya tahu tentang kamu sebelum kamu sampai ke sini. Syaikh saya, Hadhrat Shah Bahauddin telah menghantar saya untuk membawa kamu pergi bertemu dengan Hadhrat Syaikh Tajuddin Kaulaki"

Ketika dalam perjalanan, mereka bertemu dengan seorang tua yang berkata,

"Wahai anakku, jalan kami adalah penuh dengan kejutan, Barangsiapa yang memasukinya tidak dapat memahaminya. Penuntut hendaklah meninggalkan fikirannya di belakang."

Ketika beliau masuk hadir berkhidmat kepada Hadhrat Maulana Tajuddin, agak sukar untuk beliau mengawal hatinya dari mengata-ngata sesuatu terhadap Hadhrat Maulana Tajuddin. Hadhrat Maulana Tajuddin telah memberikan kepada Hadhrat Charkhi secebis ilmu pengetahuan Ruhani yang beliau miliki yang tidak pernah Hadhrat Charkhi mengetahuinya. Beliau menganggap apa yang telah beliau pelajari selama ini tiada apa-apa nilai jika dibandingkan dengan ilmu pengetahuan ini. Beliau begitu gembira dengan Syaikh Murshidnya, Hadhrat Khwajah Shah Bahauddin Naqshaband dan jalan yang telah beliau aturkan untuknya supaya dapat bertemu dengan Hadhrat Maulana Tajuddin Kaulaki Rahmatullah 'Alaih, cinta terhadap Hadhrat Khwajah Shah Naqshaband semakin bertambah. Di dalam hati Hadhrat Maulana Charkhi telah menerima kesan dengan kadar yang mana beliau telah membuat keinginan untuk kembali sekali lagi ke Bukhara dan melakukan Bai'at pada tangan Hadhrat Khwajah Shah Naqshaband Rahmatullah 'Alaih.

Sewaktu di Bukhara, Hadhrat Charkhi telah pergi bertemu dengan seorang Majzub yang beliau beriktikad penuh dengannya, lalu bertanya kepadanya,

"Apakah daku harus pergi berkhidmat kepada Hadhrat Khwajah Naqshaband?"

Majzub itu menjawab,
"Pergilah segera!"

Kemudian, Majzub itu melukiskan banyak garis-garis di atas tanah di hadapannya, lalu berkata kepada Hadhrat Charkhi,

"Kira jumlah garis-garis ini, jika bilangannya adalah ganjil, maka ianya menunjukkan dalil ke atas kinginanmu, kerana "Inna Allaha Fardun Wa Yuhibbu Al-Fard," yang bermaksud bahawa sesungguhnya Allah adalah ganjil dan Dia mencintai yang ganjil."

Apabila Hadhrat Charkhi menghitung jumlah bilangan garis yang dilukiskan itu, beliau mendapati bilangannya adalah ganjil. Hadhrat Charkhi gembira dengan hal keadaan tersebut.

Pertemuan Kedua Dengan Hadhrat Khwajah Shah Bahauddin Naqshaband

Setelah peristiwa tersebut, keinginan Hadhrat Charkhi untuk hadir berkhidmat kepada Hadhrat Naqshaband semakin bertambah dan harapannya agar dirinya diterima sebagai kalangan Muridnya dan mendapat kemuliaan dengan pandangan kasih-sayangnya. Beliau telah mendapat suatu petunjuk Hidayat sehingga beliau begitu yakin bahawa Hadhrat Khwajah Shah Naqshaband Rahmatullah 'Alaih adalah seorang Murshid Kamil yang sempurna dan Wali Allah Mukammil yang menyempurnakan. Menerusi isyarat secara ghaib dan setelah berlaku beberapa peristiwa, Hadhrat Charkhi melakukan Tafawwul dengan Al-Quran dan ayat berikut telah datang di hadapannya yang bermaksud,

"Mereka itu adalah orang-orang yang Allah telah memberikan Hidayat, maka dengan petunjuk Hidayat mereka hendaklah kamu menurutinya."

Pada hari yang berikutnya beliau telah pergi duduk bertawajjuh di Mazar perkuburan Hadhrat Syaikh Saifuddin Al-Bakhrazi Rahmatullah 'Alaih (658H/1260M), tiba-tiba dengan Qabuliyyat Ilahi telah datang suatu kehendak batin yang kuat di dalam hati Hadhrat Charkhi yang tidak dapat dibendung. Pada waktu itu juga beliau telah membuat keputusan untuk pergi menuju ke arah Hadhrat Khwajah Naqshaband Rahmatullah 'Alaih di Qasr 'Arifan. Beliau telah disambut oleh Hadhrat Khwajah Naqshaband yang sedang menantikan kehadirannya dan mentarbiyahkannya dengan penuh kehalusan Lutuf dan Ihsan.

Hadhrat Charkhi Menghadiri Halqah Iradat Hadhrat Khwajah Shah Naqshaband

Setelah Solat, Hadhrat Charkhi telah memohon kepada Hadhrat Khwajah Naqshaband agar memasukkannya dalam Halqah Iradatnya. Hadhrat Khwajah Shah Naqshaband Rahmatullah 'Alaih telah berkata,

"'Ilmu ada dua jenis 'Ilmu, 'Ilmu Al-Qalb, maka ianya adalah 'Ilmu yang bermanafaat, 'Ilmu Para Anbiya dan Mursalin; dan 'Ilmu Al-Lisan, maka ianya adalah Hujjah Allah ke atas anak Adam." Daku berharap agar kamu akan bernasib baik untuk memperolehi pengetahuan 'Ilmu Batin." Seterusnya Hadhrat Khwajah Naqshaband telah berkata,

"Telah datang dalam sebuah Hadits yang bermaksud bahawa, "Apabila kamu duduk di samping Ahli Siddiq yang benar, maka duduklah bersama mereka dengan Siddiq yang benar, kerana mereka adalah para penyiasat hati-hati, mereka masuk ke dalam hati-hati kamu dan melihat kepada Himmah kesungguhan kamu dan niat kamu." Dan kami telah diperintahkan, kami sendiri tidak menerima sesiapa. Pada malam ini kami akan lihat apakah isyarat yang datang. Jika mereka menerima kamu maka kami juga akan menerima kamu."

Malam itu merupakan suatu malam yang sangat berat untuk Hadhrat Charkhi kerana beliau risau dan bimbang mungkin Hadhrat Khwajah Naqshaband Rahmatullah 'Alaih tidak akan menerima dirinya. Pada keesokan harinya Hadhrat Charkhi bersolat Subuh bersama Hadhrat Khwajah Naqshaband Rahmatullah 'Alaih. Sesudah selesai mengerjakan Solat Subuh, Hadhrat Khwajah Naqshaband Rahmatullah 'Alaih telah berkata kepada Hadhrat Charkhi,

"Mubarak ke atas kamu bahawa isyarat untuk menerima kamu telah datang, kami tidak menerima sesiapa dan jika kami menerima seseorang maka ianya adalah setelah beberapa lama tempoh masa, tetapi ianya bergantung kepada seseorang yang dalam hal keadaan tertentu dan pada waktu yang tertentu."

Kemudian, Hadhrat Khwajah Naqshaband Rahmatullah 'Alaih telah menerangkan Silsilah Tariqat Hadhrat Para Masyaikh beliau sehingga sampai kepada Hadhrat Khwajah 'Abdul Khaliq Ghujduwani Quddisa Sirruhu, kemudian mengajarkan Hadhrat Charkhi kaifiyat Wuquf 'Adadi dan menyuruh beliau menyibukkan diri dengan amalan tersebut seraya berkata,

"Ini adalah pelajaran permulaan bagi 'Ilmu Laduni yang mana Hadhrat Khwajah Khidhr 'Alaihissalam telah menyampaikannya kepada Hadhrat Khwajah 'Abdul Khalis Ghujduwani Rahmatullah 'Alaih."

Pengurniaan Khilafat

